




# Gold Coast 2018

**1** ATLET Jamaica, Hansle Parchment bersedia melakukan larian dalam acara akhir 110 meter berpagar di Stadium Carrara. - AP



**2** SEORANG atlet terjun mengadakan latihan sebelum acara itu bermula di Pusat Akuatik Optus. - AFP



**3** SEBAHAGIAN penonton memberi sokongan kepada atlet yang bertanding dalam acara olahraga di Stadium Carrara. - REUTERS




**4** TAJAY GAYLE dari Jamaica berjaya melakukan lompatan dalam saringan lompat jauh lelaki di Stadium Carrara. - AFP

**5** BONNIE BUNYAU GUSTIN memberi reaksi positif selepas atlet powerlifting Malaysia itu selesai melakukan angkatan dalam acara akhir para powerlifting lightweight lelaki di Pusat Sukan dan Riadah Carrara. Bonnie berjaya menduduki tempat keempat dalam acara itu. - FUJIFILM XHI

**6** YOSHUA SHING dari Vanuatu membalas pukulan dalam acara perseorangan ping pong lelaki di Oxenford Studios. - AFP

**7** DUA pemain hoki dari Scotland kecewa selepas pasukan itu tewas kepada New Zealand dalam Sukan Komanwel Gold Coast. - AFP





## AKSI MALAYSIA HARI INI

### BADMINTON

(PUSINGAN KEDUA)  
PERSEORANGAN WANITA

- Soniia Cheah Iwn Racheal Darragh (Ireland Utara)

PERSEORANGAN LELAKI

- Lee Chong Wei Iwn Benjamin Li (Isle Of Man)



SONIIA CHEAH

BEREGU CAMPURAN

- Goh Soon Huat-Shevon Lai Jemie Iwn Claran Chambers-Sinead Chambers (Ireland Utara)
- Chan Peng Soon-Goh Liu Ying Iwn Georges Julien Paul-Aurelie Marie Elisa Allet (Mauritius)

BEREGU WANITA

- Soniia Cheah-Shevon Lai Jemie Iwn Grace Atipaka-Gifty Mensah (Ghana)

### BOLING PADANG

BERPASANGAN WANITA

- MALAYSIA Iwn Bostwana - 7 pagi
- MALAYSIA Iwn Scotland - 10 pagi

BEREMPAT LELAKI

- MALAYSIA Iwn Namibia - 5 petang

### GIMRAMA

BERPASUKAN - 9.03 pagi

### HOKI

WANITA

- MALAYSIA Iwn Wales - 7.30 pagi

LELAKI

- MALAYSIA Iwn Pakistan - 12.30 tengah hari

### MENEMBAK

50M PISTOL LELAKI

- Johnathan Wong - 7 pagi

DOUBLE TRAP LELAKI

- Eng Wei Jin - 7 pagi

### OLAHRAGA

LOMPAT TINGGI LELAKI (FINAL)

- Nauraj Singh Randhawa
- Lee Hup Wei - 6.05 petang

### PING PONG

BEREGU CAMPURAN

- Javen Choong-Karen Lyne Iwn Hansani Kapugeekiyana-Imesh Ranasingha (Sri Lanka) - 7.30 pagi

- Muhammad Ashraf Haiq Muhammad Rizal-Tee Ai Xin Iwn Sanjana Alix Ramasawmy-Akhilen Yogarajah (Mauritius) - 7.30 pagi

- Ho Ying-Leong Chee Feng Iwn Angelisa Freeman-Shakquan Hodge (Saint Kitts&Nevis) - 8.05 pagi

BEREGU WANITA

- Alice Chang-Tee Ai Xin Iwn Celia Baah Danso-Cynthia Kwabi (Ghana) - 9.50 pagi

BEREGU WANITA

- Ho Ying-Karen Lyne Iwn Harem Anwar Ali-Fatima Khan (Pakistan) - 9.50 pagi

BEREGU LELAKI

- Javen Choong-Leong Chee Feng Iwn Kristian Doughty-Marcus Smith (Barbados) - 10.25 pagi

PING PONG PARALIMPIK (PERSEORANGAN LELAKI TT6)

- Mohamad Azwan Bakar Iwn Kim Daybell (England) - 9.15 pagi

### SKUASY

BEREGU LELAKI

- Mohamad Syafiq Kamal-Ng Eain Yow Iwn Daryl Selby-Adrian Waller (England) - 9.45 pagi

BEREGU WANITA

- Rachel Arnold-S. Sivasangari Iwn Sarah Cardwell-Christine Nunn (Australia) - 4 pagi

BEREGU LELAKI

- Nafizwan Adnan-Ivan Yuen Iwn Lance Beddoes-Evan Williams (New Zealand) - 5.30 petang

### TERJUN

1M PAPAN ANJAL LELAKI

- Ahmad Amsyar Azman
- Ooi Tze Liang
- Muhammad Syafiq Puteh - 8.07 pagi

3M PAPAN ANJAL WANITA SEIRAMA

- Leong Mun Yee-Nur Dhabitah Sabri - 10.07 pagi

10M PLATFORM WANITA SEIRAMA

- Pandeleda Rinong-Cheong Jun Hoong - 7.29 m

# Angin laut gugat pingat negara

Oleh ROZAIDI ZULKIFLI  
sukan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 10 APRIL

KEM terjun Malaysia sedia mengembalikan keceriaan kontinjen negara dalam Sukan Komanwel apabila memulakan misi memburu pingat di Pusat Akuatik Optus, Gold Coast esok.

Bagaimanapun, beraksi di venue terbuka yang berhampiran laut menjadi kebimbangan utama penerjun negara untuk memberikan persembahan terbaik, biarpun di atas kertas pingat dilihat tidak mustahil untuk diraih tanpa mengira warna.

Tiga emas menjadi rebutan pada hari pertama terjun iaitu 10 meter platform seirama wanita, dan tumpuan utama Malaysia pastinya kepada pemenang pingat perak Sukan Olimpik, Cheong Jun Hoong-Pandeleda Rinong yang bakal terjun dalam acara 10 meter platform seirama wanita.

Dua lagi acara yang turut menjadi tumpuan adalah 1m papan anjal individu lelaki menerusi Ooi Tze Liang, Ahmad Amsyar Azman dan Syafiq Puteh, manakala gandingan Leong Mun Yee-Nur Dhabitah Sabri turun dalam acara 3m papan anjal seirama wanita.

"Keadaan di sini sedikit sukar tetapi kami tidak boleh berbuat apa-apa.

"Semua atlet berusaha keras untuk menyesuaikan diri. Venue berhampiran dengan laut akan menyuarakan kebimbangan dengan keadaan yang sangat berangin dan sejuk," kata Mun Yee ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Mun Yee, 33, yang tidak pernah terlepas aksi Sukan Komanwel sejak membuat penampilan sulung di Kuala Lumpur pada 1998



PENERJUN wanita negara (dari kiri) Leong Mun Yee, Pandeleda Rinong, Nur Dhabitah Sabri dan Cheong Jun Hoong bersama jurulatih kebangsaan, Zhang Yukun (tengah) bersedia untuk mencari pingat pertama dari kolam renang di Gold Coast.

mengakui, keadaan berangin dan sejuk mampu memberi kesukaran kepada penerjun negara, apatah lagi acara mereka bakal berlangsung pada sebelah malam. Sementara itu, juara 10m platform dunia, Jun Hoong turut menyuarakan kebimbangan dengan keadaan cuaca sejuk kerana dia sendiri tewas dengan keadaan tersebut.

"Walau apa pun, saya pasti akan melakukan yang terbaik dalam setiap acara. "Pada Sukan Komanwel kali

ini saya rasa cabaran besar buat adalah cuaca di Gold Coast. Saya memang takut terhadap kesejukan dan ini memang menjadi kelemahan saya. Kami perlu kuat secara mental dan fizikal serta cuba mengatasi masalah cuaca," kata atlet kelahiran Ipoh itu.

Pada Sukan Komanwel 2014 di Glasgow, Malaysia membawa pulang satu emas, dua perak dan satu gangsa. Emas tunggal disumbangkan Tze Liang dalam 3m papan anjal lelaki.

**Semua atlet berusaha keras untuk menyesuaikan diri. Venue berhampiran dengan laut akan membuat keadaan di sini sangat berangin dan sejuk."**

LEONG MUN YEE

## Malaysian Tigers mesti kalahkan Pakistan

**GOLD COAST 10 April** - Pasukan hoki lelaki negara tidak punya pilihan kecuali menumpaskan Pakistan esok untuk merebut kedudukan kelima dan keenam pada Sukan Komanwel 2018.

Malaysia kini berkongsi tiga mata dengan Pakistan dalam Kumpulan B selepas tamat tiga perlawanan ekoran kekalahan 1-2 kepada musuh tradisi, India hari ini.

Dalam aksi di Stadium Hoki Gold Coast, skuad bimbingan Stephen Van Huizen dikejutkan dengan jaringan lawan seawal minit ketiga oleh Harmanpreet Singh melalui pukulan sudut penalti.

Tersentak dengan gol itu, penyerang negara, Faizal Saari menggegarkan gawang India untuk menyamakan kedudukan pada minit ke-16 melalui jaringan padang.

Malaysia terus memberi saingan seimbang kepada India, namun pasukan keenam dunia itu sekali lagi melalui Harmanpreet akhirnya menjanginkan gol kemenangan pada minit ke-44.

Van Huizen bagaimanapun berpuas hati dengan persembahan yang telah ditunjukkan anak-anak buahnya, terutama apabila berjaya menyelamatkan tujuh daripada sembilan pukulan sudut penalti dan empat percubaan padang oleh pemain India.

"India menjanginkan gol terlebih dahulu tetapi kami



PEMAIN pertahanan India, Mandeep Singh cuba menyekat kemaraan Razie Rahim (kiri) dalam pertemuan India dan Malaysia di Stadium Hoki Gold Coast, semalam. - AFP

berjaya mendapatkan jaringan penyamaan untuk membuka kembali permainan. Pemain pertahanan telah bertindak cemerlang ketika pukulan sudut penalti," katanya selepas perlawanan hari ini.

Malaysia yang berada di kedudukan ketiga Kumpulan B kini berkongsi tiga mata dengan pasukan Pakistan dan hanya dibezakan dengan jumlah jaringan.

Pakistan, pasukan ke-13 dunia yang kini di bawah kendalian jurulatih baharu, Roelant Oltmans telah menunjukkan peningkatan baik sepanjang beraksi di Gold Coast.

"Kami perlu bersedia sepenuhnya untuk pertemuan dengan Pakistan esok. Pertemuan dengan Pakistan merupakan pertemuan hidup mati untuk pasukan negara," katanya. - BERNAMA

#FAKTA

3 MATA

Malaysia kini berkongsi mata dengan Pakistan dalam Kumpulan B selepas tamat tiga perlawanan ekoran kekalahan 1-2 kepada India.

## Skuad hoki wanita pamer keberanian luar biasa

**GOLD COAST 10 April** - Skuad hoki wanita negara mempamerkan keberanian luar biasa walaupun tewas 3-0 kepada England dalam Kumpulan A Sukan Komanwel di Pusat Hoki Gold Coast hari ini.

Jurulatih skuad negara, Muhammad Dharma Raj Abdullah berkata, dalam perlawanan itu anak-anak buahnya telah bermain secara menyerang sehingga

membuatkan pasukan No. 2 dunia England berdepan kesukaran walaupun akhirnya menang tanpa dibolosi.

"Pemain-pemain Malaysia tidak nampak takut berdepan dengan England. Sejak awal kami tidak bercadang untuk mengamalkan taktik bertahan walaupun pasukan lawan jauh lebih kuat," katanya.

Sehubungan itu dia mahu



MUHAMMAD DHARMA RAJ

anak-anak buahnya mengekalkan corak sama apabila mereka bertemu Wales dalam perlawanan terakhir peringkat kumpulan esok.

Malaysia mengumpul satu mata selepas tiga perlawanan hasil seri 1-1 dengan Afrika Selatan. Mereka sebelum itu kalah 4-1 kepada India dalam perlawanan

pertama.

Sementara itu, Raja Norsharina Raja Shabuddin masih belum dapat dipastikan akan bermain esok atau tidak setelah mukanya cedera akibat terkena kayu hoki pemain England.

Muhammad Dharma berkata, dia berharap kecenderaan Raja Norsharina tidak teruk dan sempat pulih.

"Dia diperlukan untuk perlawanan menentang Wales kerana dia adalah tonggak pasukan," katanya.